



## **KENYATAAN MEDIA**

### **SIRI WEBINAR KERJAYA TUMPU USAHA TINGKATKAN KEBOLEHPASARAN PEKERJAAN DALAM NORMA BAHARU**

**KUALA LUMPUR** – Seiring dengan usaha untuk merangsang pasaran buruh dan membantu individu yang terkesan akibat kehilangan pekerjaan sejak COVID-19 melanda negara, **Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)**, sebuah agensi di bawah **Kementerian Sumber Manusia (KSM)** menganjurkan **Siri Webinar Kerjaya** bersempena **Karnival Penjana Kerjaya Kebangsaan 2021 Kementerian Sumber Manusia**.

Bertemakan “**Kebolehpasaran Pekerjaan Dalam Norma Baharu**”, siri webinar yang berlangsung pada hari ini mengupas isu-isu semasa seperti realiti pasaran buruh di Malaysia dan tips untuk membantu para pencari kerja dalam menentukan hala tuju kerjaya.

Berkonsepkan perkongsian ilmu, **Siri Webinar Kerjaya** ini terdiri daripada **empat** sesi yang dibuka kepada orang ramai secara **percuma**. Antara tema atau topik yang dibincangkan adalah ‘**Persiapan Calon Untuk Menghadapi Cabaran Baru Di Era COVID-19**’, ‘**Pencarian Pekerjaan: Tips, Panduan Dan Contoh Inspirasi**’, ‘**Promosi Kesedaran Perkhidmatan Pembangunan Kerjaya**’ dan ‘**Penggunaan Maklumat Pasaran Buruh Untuk Penilaian Kendiri Pekerjaan**’.

Sesi webinar ini mengetengahkan barisan **panel jemputan dari dalam dan luar negara**, mencakupi pakar industri, wakil majikan serta penyedia khidmat latihan. Turut menghantar wakil adalah **Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO)** dan **WCC Group Corporate**, sebuah syarikat antarabangsa yang menyediakan perkhidmatan pekerjaan untuk sektor swasta dan awam.

Peserta Siri Webinar Kerjaya akan menerima e-sijil penyertaan selain berpeluang memenangi hadiah-hadiah menarik cabutan bertuah seperti jam tangan pintar **Apple Watch Series 6** dan banyak lagi.

Sejak **1 Januari 2020 sehingga kini**, sebanyak **132** webinar telah dianjurkan oleh Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), PERKESO. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **28** webinar diadakan pada tahun ini termasuk yang diadakan pada hari ini.

Antara topik dalam sesi webinar yang diadakan sebelum ini yang telah banyak membantu pencari kerja termasuk isu berkaitan kerjaya seperti tips mendapatkan pekerjaan dalam norma baharu, pendedahan

kepada kemahiran tertentu bagi memenuhi keperluan majikan, pendedahan kepada sesi temu duga sebenar melalui simulasi temu duga dan perkongsian daripada pemain-pemain industri.

Buat rakyat Malaysia yang sedang mencari peluang kerjaya, anda digalakkan untuk menyertai Karnival PenjanaKerjaya Kebangsaan 2021 Kementerian Sumber Manusia yang berlangsung dari 23 hingga 26 Februari 2021 secara dalam talian.

Pendaftaran boleh dibuat melalui pautan <https://careerfair.perkeso.gov.my>. Pencari kerja juga digalakkan untuk berdaftar melalui Portal Perkhidmatan Pekerjaan Negara, **MYFutureJobs** untuk mendapatkan maklumat kekosongan dan padanan pekerjaan dari semasa ke semasa.

## **PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)**

**23 Februari 2021**